

Pandangan Islam mengenai amalan berhutang

1. Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.
2. Islam menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersed-erhana dan mengutamakan sikap qana'ah
3. Rasulullah SAW enggan menyembah-ayakan jenazah seorang sahabat yang telah meninggal dunia setelah mengetahui sahabat yang meninggal dunia tersebut belum melangsaikan hutangnya. Tindakan Rasulullah SAW ini menggambarkan dosa orang tidak menjelaskan hutangnya begitu berat lebih-lebih lagi dalam situasi sekiranya hutangnya itu dilipat gandakan dengan riba

Konsep Pinjaman dalam Islam

Al-'ariyah	Al-qard
pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma.	pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan
hanya melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikemb-alikan dalam keadaan asal, contohnya kereta.	peminjam (pengh-utang) hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal, contohnya wang.

Definisi al-Qard

Al-qard - dari segi bahasa bermaksud al-qat'u (potong)

Istilah - penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

Qard - harta yang diberikan kepada orang yang berhutang.

Al-Qard dikategorikan sebagai akad tabarru' iaitu kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan.

Rukun al-Qard

- 1- Pemiutang
- 2- Penghutang
- 3- Barang yang dipinjam
- 4- Sighah

Prinsip al-Qard al-Hasan

1. al-Qard al-Hasan - transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial.
2. Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa faedah.

Hukum al-Qard al-Hasan

Sunat

Harus bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup

Tidak harus memberikan pinjaman sekiranya diketahui bahawa wang tersebut akan digunakan bagi tujuan haram atau maksiat

Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan

1. Membantu golongan yang memerlukan.
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya
3. Memupuk semangat persaudaraan dikalangan umat islam
4. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
5. Menyediakan ruang, peluang dan kemudahan kepada golongan berpen-dapatan rendah
6. Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat
7. Sebagai salah satu wasilah da'wah kepada golongan bukan Islam mengenai kesyumulan dan keindahan Islam
8. Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat

Larangan riba

Larangan terhadap riba adalah jelas berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275

Terdapat hadith Rasulullah SAW yang menyebut bahawa setiap pinjaman (hutang) yang mempunyai manfaat ianya adalah riba

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم -كل قرض جر منفعة، فهو ربا (Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap pinjaman(hutang) yang ada manfaat,ianya adalah riba)

Fatwa pengharaman riba

Semua telah bersepakat bahawa setiap penambahan atau faedah ke atas semua bentuk pinjaman adalah riba dan haram

Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

- i) Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis
- ii) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman
- iii) Kepentingan menyelesaikan semua hutang turut disyaratkan dalam perwarisan
- iv) Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang dijanjikan

Kesimpulan

Islam telah meletakkan prinsip al-qard al-hasan supaya tidak berlaku unsur unsur penganiayaan dalam berhutang dan memberi hutang.



By **Ains** (Nurul Ain Shahari)
cheatography.com/nurul-ain-shahari/

Published 17th June, 2020.
Last updated 17th June, 2020.
Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
<https://readable.com>